

**A. GARIS PANDUAN PENYERTAAN PERTANDINGAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU (KIK HB 2020) POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA TAHUN 2020****1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua jabatan di Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia mengenai syarat penyertaan, kriteria penilaian serta format laporan KIK,HB Tahun 2020.

**2. PENGENALAN**

Inovasi merupakan suatu pembaharuan atau perubahan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik dan menyampaikan nilai baharu kepada pelanggan. Dalam konteks sektor awam, sesuatu ciptaan yang memberi manfaat nyata dan nilai tambah kepada keadaan sedia ada boleh dikategorikan sebagai inovasi.

Kreativiti ialah kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujud dan menghasilkan sesuatu yang baharu serta unik dalam menyelesaikan masalah dan menambah baik keperluan semasa. Dalam konteks sektor awam, keupayaan berfikir secara kritis dan analitikal amatlah diperlukan bagi menterjemahkan idea kepada produk/perkhidmatan yang memberi manfaat kepada rakyat/komuniti dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

KIK memberi penekanan kepada keberkesanan perkhidmatan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan bermatlamatkan kesejahteraan rakyat. Pelaksanaan KIK mampu memberi impak positif kepada prestasi penyampaian perkhidmatan sektor awam terutamanya di politeknik dan kolej komuniti. Keberkesanan pelaksanaan KIK memerlukan mekanisme pemantauan yang efektif bagi mencapai objektif pelaksanaan KIK yang dihasratkan.



### 3. OBJEKTIF

- ❖ Memberi pendedahan kepada peserta berkenaan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam.
- ❖ Memberi penghargaan kepada peserta bagi penghasilan pendekatan baharu dan berbeza dalam melaksanakan dasar dan perkhidmatan.
- ❖ Memberi pendedahan kepada para peserta dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran mengaplikasi kaedah dan teknik dalam penghasilan projek dan pengetahuan berkaitan pengembangan projek.
- ❖ Mengumpul idea yang kreatif dan inovatif dalam satu platform khusus untuk perkongsian maklumat dan kepakaran di kalangan peserta.

### 4. TEKNIK DAN PENGHASILAN PROJEK KIK HB 2020

Penggunaan teknik dan kaedah yang tepat amat penting dalam penghasilan sesuatu projek KIK. Sejajar peredaran masa dan perkembangan pelbagai teknik dan kaedah baharu, maka, ahli KIK perlu sentiasa peka dan bersiap sedia dengan penggunaan teknik dan kaedah terkini dan tepat. Penggunaan teknik dan kaedah adalah fleksibel dan mengikut kesesuaian projek yang dirancang.

Fasa Penghasilan Projek menjelaskan perancangan awal pembentukan KIK. Ahli KIK perlu memilih projek berpandukan bidang inovasi dalam KIK, iaitu Inovasi Sosial atau Inovasi Penyampaian Perkhidmatan yang terdiri daripada dua (2) kategori, iaitu Inovasi Penciptaan atau Inovasi Penambahbaikan.

### 5. TAFSIRAN BIDANG-BIDANG INOVASI DAN KATEGORI INOVASI DALAM KIK HB 2020

Inovasi melalui konteks horizon baharu KIK terbahagi kepada dua (2) BIDANG INOVASI dalam KIK iaitu:

- ❖ Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan atau Penambahbaikan)
- ❖ Bidang Inovasi Sosial (Penciptaan atau Penambahbaikan)



### (a) Bidang Inovasi Sosial

Berdasarkan tafsiran oleh MAMPU, bidang Inovasi Sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea dan model ) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat/komuniti.

Inovasi sosial mempunyai tiga ciri seperti berikut:

- ❖ Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik;
- ❖ Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu-individu dalam masyarakat; dan
- ❖ Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan keberkesanan produk yang menepati keperluan sebenar mereka.

### (b) Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

Inovasi Penyampaian Perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kerajaan di Politeknik dan Kolej Komuniti KPT. Inovasi penyampaian perkhidmatan bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.


Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat/komuniti/pelajar. Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:

- ❖ Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi;
- ❖ Budaya Kerja;
- ❖ Pengurusan Kewangan dan Aset;
- ❖ Pengurusan Perhubungan Pelanggan;
- ❖ Sistem Pengajaran dan Pembelajaran;
- ❖ Pengurusan Projek Pembangunan; dan



❖ Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Ciri-ciri utama bidang inovasi penyampaian dan perkhidmatan serta bidang Inovasi sosial ditunjukkan pada **Rajah 1** berikut:



**Rajah 1:** Ciri-ciri Utama Bidang Inovasi

## 6. PEMBENTUKAN KUMPULAN

KIK terdiri daripada dua (2) bentuk kumpulan, iaitu:

- ❖ **KIK Primer** Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang daripada agensi sama yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK.
- ❖ **KIK Hibrid** Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada dua (2) atau lebih agensi yang bersilang fungsi yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid
- ❖ Walaubagaimanapun, untuk tahun 2020 ini, pengjur KIKHB 2020 hanya membenarkan kumpulan KIK Primer sahaja untuk dipertandingkan iaitu hanya terbuka kepada warga politeknik dan kolej komuniti sahaja sebagai ahli. (*Pind. 1(a)*).

## 7. KOMPONEN KIK

KIK mengandungi komponen-komponen yang ditunjukkan pada **Rajah 2**.



**Rajah 2:** Komponen KIK

## 8. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PROJEK KIK HB 2020

Syarat-syarat penyertaan Pertandingan Projek KIK HB 2020 Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti KPT adalah seperti berikut :

- ❖ Projek KIK hendaklah dihasilkan oleh warga PolyCC dari jabatan, bahagian, di Politeknik atau Kolej Komuniti melalui kumpulan primer

sahaja iaitu ahli adalah terdiri dari warga politeknik atau kolej komuniti. (**Pind. 1(b)**).

- ❖ Projek KIK yang dilaksanakan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.
- ❖ Projek KIK mestilah telah dilaksanakan/ dijalankan sekurang- kurangnya dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup penyertaan dan tidak lebih daripada 3 tahun dari tarikh ia diperkenalkan dan dilaksanakan.
- ❖ Projek KIK yang telah memenangi mana-mana pertandingan di peringkat yang lebih tinggi seperti Kementerian, MAMPU ataupun mana-mana anugerah dari agensi luar sama ada dalam negara maupun luar negara adalah **TIDAK LAYAK** menyertai pertandingan ini.
- ❖ Projek KIK yang telah memenangi Anugerah Projek KIK HB peringkat kebangsaan pada tahun-tahun yang lepas adalah **TIDAK LAYAK** menyertai pertandingan ini.
- ❖ Pihak pengajur berhak menerima dan menolak penyertaan yang tidak mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- ❖ Pihak pengajur berhak menukar kategori penyertaan projek KIK ke kategori yang sewajarnya. Sebarang pertukaran kategori akan dimaklumkan kepada pemohon.

## 9. PENILAIAN PROJEK

Ringkasan kriteria dan wajaran penilaian projek adalah seperti berikut.



BIL.	KRITERIA	WAJARAN	MARKAH KESELURUHAN
1.	Penglibatan Pihak Pengurusan	4%	70% (Skor/100 x 70)
2.	Signifikasi Projek dan Pembuktian	10%	
3.	Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian	23%	
4.	Keberhasilan Projek <ul style="list-style-type: none"> <li>• Outcome projek [dijangka] dan pembuktian Analisa berdasarkan</li> <li>• Impak projek [luar jangka] dan pembuktian</li> </ul>	35% 18%	
5.	Potensi pengembangan projek	10%	
6.	Kualiti Pembentangan		30%

## 10. PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PEMENANG

Proses penilaian dan pemilihan dibuat melalui 2 peringkat seperti berikut:

- ❖ Penilaian melalui laporan penuh oleh Panel Penilai. Semua dokumen projek yang diterima akan dinilai terlebih dahulu oleh Panel Penilai
- ❖ Penilaian berdasarkan persembahan. Pembentangan ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapat maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang ditetapkan. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.
- ❖ Pemenang akan dimaklumkan pada hari pertandingan dan akan diumumkan oleh ketua juri.



**B. PROSEDUR PERMOHONAN KIK HB 2020****1.0 MAKLUMAT AM**

Tagline atau slogan penganjuran KIK HB 2020 adalah seperti berikut:

***'Perkasa Inovasi Menuju Modenisasi'***

Warna Tema : **Royal Purple**



Tarikh Pertandingan KIK HB 2020 akan diadakan pada : **26 – 28 OKTOBER 2020**

Konvensyen KIK Horizon Baharu 2020 ini terbuka kepada semua warga Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia.

Setiap Politeknik dan Kolej Komuniti boleh menghantar **DUA (2)** kumpulan bertanding:

- **SATU (1)** Bidang Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan atau Penambahbaikan)
- **SATU (1)** Bidang Sosial (Penciptaan atau Penambahbaikan)

Jenis kumpulan hanya terdiri daripada kumpulan **PRIMER** sahaja (*Pind. 1(c)*)

**2.0 PROSEDUR MAKLUMBALAS PENDAFTARAN (PRA PENDAFTARAN)**

Borang Pra Pendaftaran Penyertaan: Atas talian di alamat :

<https://www.cognitoforms.com/JPPKK/MAKLUMBALASPENYERTAANKIKHB2020>

Penyertaan akan diiklankan bermula **15 MEI 2020**. Butiran maklumat pra pendaftaran yang perlu diisi adalah seperti berikut:

- ❖ Maklumat Penyelaras KIK di Politeknik/Kolej Komuniti
- ❖ Makluman Penyertaan (Kumpulan)



Tarikh tutup borang maklumbalas penyertaan secara ‘online’ adalah **26 JUN 2020** (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang.

### 3.0 PROSEDUR PENGESAHAN PENDAFTARAN (FASA 1)

Pengesahan pendaftaran perlu dilakukan secara atas talian bermula **26 JUN 2020** hingga **31 JULAI 2020** di alamat berikut:

<http://kkkepalabatas.mypolycc.edu.my/v1>

Ketua kumpulan perlu mendaftar dan memuatnaik (upload) maklumat berkenaan:

- ❖ Maklumat ahli kumpulan (10 ahli maksimum)
- ❖ Maklumat kumpulan (beserta gambar; Individu & kumpulan)
- ❖ **Logo Kumpulan (Pind. 1(d))**
- ❖ bukti pembayaran (slip bayaran)
- ❖ Abstrak/Ringkasan Eksekutif
  - Ditulis samada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris
  - Gunakan font Arial bersaiz 12 dan 1.5 spacing
  - Jelaskan nama projek, bidang dan kategori inovasi
  - Nyatakan semua nama penuh ahli kumpulan serta jabatan kumpulan di bawah Ringkasan Eksekutif.
  - Jumlah maksima perkataan ialah 350 perkataan

Penyelaras KIK institusi perlu mengesahkan pendaftaran bagi setiap kumpulan untuk fasa 1 ini.

Yuran Pendaftaran:

- ❖ Yuran penyertaan sebanyak RM150 dikenakan bagi setiap kumpulan.
- ❖ Tarikh akhir bayaran yuran penyertaan adalah pada : **31 JULAI 2020**
- ❖ Bayaran boleh dibuat secara ‘online banking’ ATAU Pesanan Kerajaan (LO) atas nama:

**KOPERASI KOLEJ KOMUNITI KEPALA BATAS BHD.**

**(No Akaun: 105600000389 - AFFIN BANK )**



#### 4.0 PROSEDUR MEMUAT NAIK DOKUMEN PROJEK (FASA 2)

Dokumen Projek KIK perlu dimuatnaik secara atas talian bermula **3 OGOS 2020** sehingga **9 OKTOBER 2020** di alamat berikut :

<http://kkkepalabatas.mypolycc.edu.my/v1>

Kegagalan untuk memuatnaik dokumen projek akan menyebabkan penyertaan **TERBATAL** dan yuran pendaftaran **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN**. Berikut adalah dokumen projek yang perlu dimuat naik:

- ❖ Laporan Projek KIK (Lengkap) untuk setiap kumpulan.(pdf)
- ❖ Slide Persembahan (Powerpoint)
- ❖ **Rakaman Video Produk dan kumpulan (mp4) (Pind. 1(e))**

Laporan Projek KIK secara ‘hard copy’ (**2 SALINAN**) juga perlu dihantar kepada pihak urusetia secara pos untuk tujuan penilaian sebelum atau pada **19 OKTOBER 2020** ke alamat **Kolej Komuniti Kepala Batas, u/p : Urusetia KIK HB 2020. (Pind. 1(f))**

Format Laporan Projek KIK adalah seperti berikut:

- Perincian Projek adalah dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Penjelasan terperinci adalah seperti di **Lampiran 3**.
- Sediakan Laporan Projek 10 – 15 muka surat sahaja dengan font Arial bersaiz 12 dan 1.5 spacing.
- Jumlah maksima perkataan ialah 3000 - 5000 perkataan.
- Maklumat tambahan seperti surat penghargaan dan sebagainya dijadikan sebagai lampiran.
- Laporan hendaklah dihantar dalam bentuk PDF seperti yang dinyatakan dalam pautan seperti diatas

Surat rasmi jemputan penyertaan kepada semua peserta akan dikeluarkan bermula **28 SEPTEMBER 2020**.

#### 5.0 TAKLIMAT PESERTA

Memandangkan negara dijangka masih mengekalkan kaedah penjarakkan sosial maka kehadiran peserta beramai-ramai adalah tidak dibenarkan. Urusetia akan menggunakan kaedah sidang video dengan ketua kumpulan bagi memberi



taklimat pertandingan dan penilaian projek. Tarikh dan masa persidangan video akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

- ❖ Penggunaan Webex Cisco atau Zoom Meeting

## 6.0 PAMERAN PRODUK

Tiada pameran secara fizikal disebabkan arahan penjarakkan sosial maka setiap peserta dikehendaki memuatnaik video dalam format mp4 menunjukkan kebolehfungsian produk beserta dengan penerangan untuk pemarkahan pihak panel penilai.

## 7.0 SESI VIVA & SEMAKAN DOKUMEN

Disebabkan arahan penjarakkan sosial, kaedah viva secara bersemuka tidak dijalankan seperti sebelum ini. Oleh itu, setiap kumpulan dikehendaki merakamkan persembahan masing-masing secara video dalam format mp4 dan dihantar kepada urusetia untuk dinilai oleh panel juri. Tempoh masa sesi persembahan berkumpulan secara rakaman video adalah selama **15 -20 minit**.

Semakan dokumen dan video persembahan akan dilakukan oleh panel penilai yang dilantik oleh pihak pengajur dan akan dijalankan pada hari pertandingan iaitu pada **26 - 28 OKTOBER 2020**.

Pada hari penilaian setiap kumpulan akan berinteraksi secara online melalui sesi Q&A bersama panel penilai. Jadual dan medium aplikasi online akan dimaklumkan nanti. Tempoh masa sesi interaksi Q&A adalah selama **5 -10 minit. (Pind. 1(g))**

## 8.0 MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH

Tiada majlis perasmian penutup bagi mengelakkan orang ramai daripada berhimpun tetapi satu majlis yang sederhana dan mematuhi kaedah penjarakkan sosial akan diadakan bagi meraikan para pemenang.



Pemenang akan dimaklumkan melalui laman web rasmi KKKB dan sesi penyampaian hadiah akan dibuat mengikut garispanduan penjarakkan sosial yang berkuatkuasa.

## 9.0 PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan, sila hubungi

URUSETIA	NO TELEFON	E-MEL
DR SAIFUDDIN KUMAR	019-9691310	
DR ANWAR HAMID	017-2019015	anwarkbatas@gmail.com

**Disediakan Oleh:**

**Skretariat KIK HB 2020**

**Jabatan Pengajian Politeknik & Kolej Komuniti  
2020**



## LAMPIRAN 3

### FORMAT PERINCIAN LAPORAN PROJEK KIK

#### 1.0 TAJUK PROJEK

#### 2.0 LATAR BELAKANG KUMPULAN

#### 3.0 SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

3.1. Nyatakan justifikasi pemilihan projek dengan ringkas dan padat dengan merujuk kepada perkaitan dengan fungsi agensi, keperluan pemegang taruh dan bagaimana ia memenuhi agenda nasional. Matlamat keberhasilan projek seperti yang dinyatakan dalam **Bab 2 Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1/2016** diambilkira iaitu:

- (a) meningkatkan kecekapan agensi sektor awam
- (b) meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan agensi sektor awam; dan
- (c) memelihara kesejahteraan rakyat

3.2 Potensi pengembangan projek juga sesuai dinyatakan bagi menunjukkan kemampanan (sustainability) projek.

3.3 Penggunaan grafik, butiran poin berserta maklumat yang ringkas dan tajuk kecil boleh digunakan bagi memudahkan kefahaman.

#### 4.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

4.1. Nyatakan dengan ringkas dan padat strategi serta kaedah yang digunakan dalam menghasilkan projek yang kreatif dan inovatif serta tempoh penghasilan projek.

4.2. Sasaran outcome dan impak perlu dinyatakan dengan maklumat indikator-indikator pencapaian yang diwujudkan bagi menjalankan penilaian.

4.3. Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/ gambar/ lampiran.



## 5.0 KEBERHASILAN PROJEK – OUTCOME DAN IMPAK

5.1. Nyatakan hasil penilaian yang telah dibuat berdasarkan indikator-indikator pencapaian bagi outcome dan impak. Pencapaiannya diterangkan berdasarkan hasil kajian melalui analisa perolehan data.

5.2. Nyatakan juga faedah sampingan yang diperolehi hasil daripada pelaksanaan projek. Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/ gambar/ lampiran.

## 6.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

6.1. Nyatakan tahap kesiapsiagaan (readiness) hasil projek yang telah dilaksanakan dan usaha yang telah dilaksanakan bagi menyokong pengembangan projek.

6.2 Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/ gambar/ lampiran.

## 7.0 PENUTUP

## 8.0 LAMPIRAN

